

## **GEJALA PEMANDU MABUK MESTI DIBANTERAS**

Oleh: Siti Faizatul Fatimah Binti Ramli, 1171262,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 21 Ogos 2020*



Kita sering mendengar dan membaca dalam akhbar tentang kematian orang awam akibat dilanggar oleh pemandu kereta yang memandu dalam keadaan mabuk atau di bawah pengaruh alkohol.

Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, sekurang-kurangnya tiga kes yang berkaitan dengan pemandu mabuk dilaporkan sehingga menyebabkan kematian orang lain.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak Januari hingga Mei 2020, terdapat 21 kes kemalangan akibat pemandu mabuk dan termasuk sembilan daripadanya melibatkan kematian.



Jika dilihat dari segi undang-undang sedia ada, hukuman yang bakal diterima oleh pemandu mabuk adalah tidak sepadan dengan kesalahan yang dilakukan.

Akta Pengangkutan Jalan cuma memperuntukkan hukuman penjara antara tiga hingga 10 tahun dan denda antara RM 8,000 hingga RM 20,000 jika disabitkan kesalahan memandu dalam keadaan mabuk.

Hukuman ini dianggap tidak mencukupi untuk mencegah pelaku daripada mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang.

Berbeza dengan Norway di mana mereka yang didapati bersalah kerana memandu dalam keadaan mabuk akan dipenjara selama tiga minggu dan perlu melakukan kerja berat serta digantung lesen memandu selama setahun.

Jika mereka didapati mengulangi kesalahan yang sama, maka lesen mereka akan dibatalkan dan mereka tidak dibenarkan memandu seumur hidup.

Di Taiwan pula, hukuman bagi pemandu mabuk yang menyebabkan kematian adalah penjara seumur hidup, manakala jika menyebabkan kecederaan yang serius mereka boleh berdepan dengan hukuman penjara selama 12 tahun.

Jika dilihat drama-drama dari Korea Selatan, antara inisiatif yang dibuat adalah dengan memperkenalkan peraturan yang mewajibkan pemandu lain menghantar orang yang mabuk ke rumah.

Ini bermakna seseorang yang mabuk tidak dibenarkan memandu sendiri untuk pulang ke rumah.

Sebaliknya, mereka akan dihantar oleh pemandu lain dengan bayaran yang ditentukan mengikut jarak perjalanan.

Hukuman bagi pemandu yang mabuk di Korea Selatan juga agak berat iaitu digantung lesen selama 90 hari serta denda RM21,000.



Melihat kepada keburukan arak khususnya dari segi kemalangan maut akibat pemandu mabuk, jelaslah pengharaman meminum arak terhadap umat Islam mempunyai hikmah yang sangat besar.

Kesannya amat buruk apabila mereka yang mabuk dibiarkan memandu sehingga boleh mengancam nyawa pengguna jalan raya yang lain.

Sehubungan itu, kita seharusnya menyokong usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk melaksanakan undang-undang yang lebih ketat bagi membanteras gejala pemandu mabuk di negara ini.